



NEGERI MELAKA

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 45

21hb Jun 2001

No. 13

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

(Akta 171)

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

(Act 171)

No. 120.

KADAR TAHUNAN 2001

ANNUAL RATES 2001

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen-seksyen 127, 129 dan 163, Akta Kerajaan Tempatan 1976, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri telah mengenakan bagi tahun 2001 kadar tahunan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2001, ke atas semua pegangan-pegangan dan ke atas semua bangunan-bangunan yang baginya seksyen 163 dipakai, dalam kawasan Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah sepertimana yang ditunjukkan dalam Jadual diberi berikut:

JADUAL

Kawasan	Kadar Tahunan untuk Bangunan
1. Kampung Morten	5%
2. Kampung Chetty, Jalan Gajah Berang	5%
3. Kampung Portugis, Ujung Pasir	5%

Bertarikh 30 Disember 2000.

[MPMBB/JPH/0394/JKMM(S) 137/2/3(6).]

MD. SIRAT BIN ABU,
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Melaka
Bandaraya Bersejarah

In exercise of the powers conferred by sections 127, 129 and 163, of the Local Government Act 1976, the President of the Malacca Municipal Council Historic City with the approval of the State Authority has imposed for the year 2001 the annual rates with effect from 1 January 2001, upon all holding and upon all building to which section 163 applies, within the area of the Malacca Municipal Council Historic City as shown in the Schedule as follows:

SCHEDULE

Area	Annual Rates for Building
1. Kampung Morten	5%
2. Kampung Chetty, Jalan Gajah Berang	5%
3. Kampung Portugis, Ujung Pasir	5%

Dated 30 December 2000.

[MPMBB/JPH/0124/JKMM(S) 137/2/3(6).]

MD. SIRAT BIN ABU,
President,
Malacca Municipal Council
Historic City Malaysia

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 tahun 1965)

No. 121.

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Rosli bin Mat beralamat di J-7228 Taman Maju, 77000 Jasin, Melaka dan yang atas permintaannya Kaveat Persendirian Berdaftar No. Jil. 133, Fol. 12 adalah dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas itu adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri,

Dan bahawasanya tuanpunya tanah yang diperihalkan telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 326 Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintah oleh Mahkamah, memotong kaveat itu:

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Jasin. No. P.T—478. Jenis dan No. Hakmilik—HS(D) 558. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Persn. No. 3151/82, Jil. 4, Fol. 57, Pershn. No. 3152/82, Jil. 183, Fol. 62, Pershn. No. 4443/82, Jil. 193, Fol. 77. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pershn. No. 1174/83, Jil. 201, Fol. 14, Pershn. No. 2085/84, Jil. 224, Fol. 73, Pershn. No. 163/87, Jil. 275, Fol. 75, Pershn. No. 1676/87, Jil. 280, Fol. 70.

Bertarikh 5 Mei 2000.
[PHTM. 2474/(519).]

MUSTAPA BIN HASSAN,
Timb. Pendaftar Hakmilik Geran Tanah,
Melaka

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960
(Akta 486)

No. 122.

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual kepadanya adalah diperlukan bagi maksud yang berikut:

Tapak Masjid Kampung Bukit Beruang.

2. Suatu pelan tanah dan kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah di mana terletaknya tanah dan kawasan.

JADUAL

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
	DSPN		Hektar	
8454	1832	Chee Teng Wah @ Charlie Chee Chee Teng Chye Tan Hin Toe Chee Swee Hoon	1.199	Semua
	MCL			
8455	503	Arah bte Jendol 1/2 bhg. dan Rahimah bte Abd. Rahman 1/2 bhg.	0.0769	Semua

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
	MCL		Hektar	
8456	264	Long bte Kechil 1/2 bhg. dan Yahya bin Abd. Rahman 1/2 bhg.	0.2386	Semua

Bertarikh 28 Mei 2001.
[PTG(M) B/A1/03/1074.]

DATUK HJ. LUGIMAN BIN ABU SEMAN,
Pengarah Tanah dan Galian,
Melaka

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA